

31/01/1999

Badan bertindak mahu jumpa Samy Vellu

PETALING JAYA: Jawatankuasa Bertindak Bersama yang ditubuhkan empat pertubuhan mewakili golongan pekerja, pengguna dan belia, semalam, akan mengadakan perjumpaan dengan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu berhubung masalah kenaikan tol di empat lebuh raya utama yang berkuatkuasa selepas Tahun Baru Cina ini.

Badan itu yang dianggotai Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Kongres Kesatuan Sekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs), Majlis Belia Malaysia (MBM) dan Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca), akan menghantar cadangan yang antara lain mendesak kerajaan mengkaji semula keputusannya membenarkan kenaikan tol berkenaan serta menjadikan semua jalan di sekitar bandar raya sebagai laluan bebas tol.

Pengerusinya, Senator Zainal Rampak berkata, jawatankuasa berkenaan akan menghantar satu surat rasmi kepada Samy Vellu, minggu depan.

Menurutnya, ini penting kerana masalah kenaikan dan bertambahnya laluan bertol bukan saja membebankan pekerja, tetapi boleh mempengaruhi produktiviti pekerja yang kini terpaksa berbelanja lebih semata-mata untuk ke tempat kerja.

"Kami membantah sekeras-kerasnya kadar tol yang tinggi kerana ia tidak membawa sebarang manfaat kepada golongan pekerja dan tidak setimpal dengan pendapatan diterima."

"Bayangkan, ada pekerja yang terpaksa berbelanja sehingga RM6 sehari bagi membayar tol kerana terpaksa berulang alik ke tempat kerja. Ini tidak adil kerana pekerja terus ditindas sebaliknya syarikat pengusaha lebuh raya yang untung. Oleh itu, kami meminta kerajaan mengkaji semula keputusan itu dan menanggungkan semua kenaikan tol selagi negara dihimpit kegawatan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat sejam dengan anggota jawatankuasa terbabit di sini, semalam. Hadir sama, Presiden Cuepacs, N Siva Subramaniam; Presiden MBM, Saifuddin Abdullah; dan wakil Fomca, A Jeyaseelen.

Jawatankuasa itu yang ditubuhkan bagi memperjuangkan kepentingan pekerja sebagai pengguna dalam isu semasa dengan tema 'Tentang Dan Basmi Kesengsaraan Rakyat', juga akan mengadakan seminar dari semasa ke semasa bagi mendidik golongan berkenaan. Rabu lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika mengumumkan penurunan kadar tol untuk LDP daripada RM1.50 kepada RM1 bagi kenderaan persendirian, turut mengumumkan kenaikan sebanyak 0.75 sen sekilometer untuk kereta persendirian bagi Lebuhraya Utara-Selatan yang berkuatkuasa selepas Tahun Baru Cina yang akan disambut pada 16 dan 17 Februari ini.

Menurut Zainal, tindakan kerajaan menaikkan kadar tol juga boleh menjejaskan sektor pelancongan tempatan kerana rakyat kini sebaliknya memilih untuk menghabiskan masa di rumah.

"Siapa yang akan menggunakan lebuh raya jika kadar tolnya saja melebihi bayaran petrol, terutamanya laluan dari Johor Bahru ke utara. Kami bimbang, jika ini berterusan, bukan saja pelancongan tempatan terjejas, sebaliknya jalan raya lama akan menjadi sesak seperti berlaku ketika cuti Aidilfitri lalu," katanya.

Beliau turut meminta syarikat pengusaha lebuh raya supaya mengutamakan tanggungjawab sosial daripada keuntungan.

Selain itu, Zainal berkata, jawatankuasa itu juga akan menjalankan penyelidikannya sendiri bagi melihat rasional kenaikan tol itu.

"Saya sendiri sudah mengirim surat kepada rakan saya di Jepun meminta mereka menyediakan maklumat berhubung kadar tol dan pendapatan per kapita pekerja di sana."

"Kita juga meminta mana-mana tenaga pakar, terutama jurutera yang boleh menawarkan khidmat secara percuma membantu kami menjalankan penyelidikan ini," katanya.

(END)